

# Kempen kesedaran pemerdagangan orang ditingkat

BH 01-03-2012 2

**K**OTA KINABALU: Kurangnya kesedaran masyarakat mengenai pemerdagangan orang dan penyeludupan migran antara punca yang menimbulkan kesukaran bagi menangani isu itu.

Ahli Majlis Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran (MAPO) yang juga Felo Penyelidik Utama Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Azizah Kassim, berkata pihaknya berusaha mengatasi masalah berkenaan menerusi kempen kesedaran ke atas kumpulan sasar berlainan. Bagaimanapun, katanya, masih ramai yang kurang peka berhubung pelaksanaan Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran (ATIPSON) yang meninggalkan pelbagai kesan negatif.

"Kegiatan ini dilakukan secara terancang dan membabitkan sindiket antarabangsa yang mampu menggugat pelaksanaan undang-undang serta kestabilan politik. Justeru, golongan akademik terutama mahasiswa yang bakal menjadi pemimpin negara perlu diberi pendedahan mengenai masalah ini.

"Ia membolehkan mereka lebih berwaspada dengan tawaran diberi pihak tidak bertanggungjawab," katanya pada majlis Seminar Kempen Kesedaran Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran di Auditorium Pasca Siswazah Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini semalam.

Seminar anjuran UMS dan UKM itu dirasmikan Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan UMS, Mat Salleh Ayub, mewakili Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni universiti tu, Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur. Ia dihadiri kira-kira 200 peserta dan membabitkan pembentangan empat kertas kerja.

Sementara itu, Kasim dalam ucapannya, berkata golongan akademik perlu lebih kreatif dalam menelusuri isu jenayah pemerdagangan manusia dan migran, sekali gus mencari pendekatan bagi menangani masalah itu secara lebih berkesan, manakala mahasiswa pula punya peranan penting bertindak sebagai pembina daya fikiran dan pemacu pembangunan kelak.

Beliau berkata, usaha kerajaan menerusi pelbagai mekanisme merangkumi kaedah penggunaan sistem pengimbas di semua pintu masuk negara belum memadai untuk membendung jenayah itu kerana kelembapan ekonomi dan kelemahan negara asal mangsa untuk mencegah dan mendidik menyebabkan mereka mudah terpedaya dengan sindiket berkenaan.